



**JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

**JAWATANKUASA PENYELARASAN DAN
KAWALAN KEJIRANAN (JPKK)**

**BORANG PERMOHONAN & GARIS PANDUAN
SKIM KAWALAN KEJIRANAN (GUARDED NEIGHBOURHOOD)**

BORANG PERMOHONAN MENJALANKAN SKIM KAWALAN KEJIRANAN (GUARDED NEIGHBOURHOOD) DAN GARIS PANDUAN

Kepada : Pengarah,
Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL

Saya/Kami dengan ini mengemukakan permohonan seperti berikut serta maklumat-maklumat yang berkaitan permohonan di atas untuk pertimbangan pihak tuan :-

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN	
1.	NAMA & ALAMAT PEMOHON (Persatuan penduduk yang berdaftar)		
2.	NAMA Pengerusi/Presiden		
3.	NO. TELEFON	Persatuan :	Bimbit :
4.	NAMA TAMAN PERUMAHAN / LOKASI CADANGAN		
5.	NAMA JALAN YANG TERLIBAT (Sila senaraikan jalan-jalan yang dicadang untuk menjalankan kawalan keselamatan)		
6.	STATUS JALAN-JALAN DALAM TAMAN (Sila tanda salah satu)	Rezab jalan awam yang telah/akan diserahkan kepada DBKL ^{Latau}	
		Jalan persendirian	
7.	TANGGUNGJAWAB PENYELENGARAAN JALAN-JALAN, PERPARITAN & LAMPU JALAN DALAM TAMAN	Diselenggara oleh DBKL ^{Latau}	
		Diselenggara oleh pemaju/penduduk taman	

Tandatangan Pemohon :
(Ketua Persatuan Penduduk)

Nama :
Tarikh :

Sila sertakan bersama :

- Salinan sijil pendaftaran persatuan yang didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.
- Borang persetujuan penduduk yang telah di tandatangani oleh sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah kediaman seperti dilampiran **JPB/JPKK (A)**.
- Satu (1) set pelan lokasi taman perumahan berserta penandaan cadangan jalan-jalan yang terlibat untuk menjalankan kawalan keselamatan dan satu (1) set pelan cadangan rekabentuk pondok kawalan keselamatan jika berkenaan (Contoh-contoh pelan disertakan sebagai rujukan).
- Surat sokongan daripada pihak Polis Diraja Malaysia berdasarkan statistik jenayah di taman perumahan yang terlibat.
- Surat sokongan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, Alam Flora Sdn Bhd serta Pejabat Cawangan DBKL yang berhampiran.
- Salinan lesen untuk menjalankan urusan Agensi Persendirian dibawah Seksyen 3, Akta Ejensi Persendirian 1971 yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk syarikat kawalan keselamatan.
- Borang JPB/JPKK yang telah disempurnakan dengan lengkap oleh persatuan penduduk hendaklah dikemukakan kepada **Jabatan Pengangkutan Bandar, Tingkat 8, Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut, 53000 Kuala Lumpur.**

Peringatan : Tiada sebarang bentuk halangan jalan dan pembinaan dibenarkan sebelum kelulusan diperolehi. Sebarang pertanyaan sila hubungi terus dengan jabatan di talian 03 – 20282208.

Lampiran BORANG JPB/JPKK

Garis panduan ringkas berkaitan Skim 'Guarded Neighbourhood' (GN) atau Skim Kawalan Kejiranan

1. KAWALAN AM PERANCANGAN

- a. Skim GN hanya dibenarkan di kawasan bandar (di dalam kawasan operasi DBKL), khususnya di kawasan yang kurang selamat (mempunyai kadar jenayah yang tinggi berdasarkan rekod pihak polis).
- b. DBKL akan mendapatkan pandangan daripada pihak-pihak berkaitan dalam meneliti sebarang cadangan penubuhan GN oleh persatuan penduduk yang akan dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Kawalan Kejiranan yang dipengerusikan oleh Datuk Ketua Pengarah, DBKL yang melibatkan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Alam Flora, Jabatan-jabatan DBKL (Jabatan Pengangkutan Bandar, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan dan Pejabat-pejabat Cawangan)
- c. GN tidak dibenarkan jika di dalam kawasan kejiranan terdapat komponen-komponen kemudahan awam utama seperti sekolah, masjid, dewan orang ramai dan sebagainya serta jika merupakan kawasan laluan pengangkutan bas awam.
- d. Setiap permohonan hendaklah mengemukakan senarai penduduk yang bersetuju seperti di lampiran **JPB/JPKK (A)** iaitu sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah kediaman bersetuju untuk menjalankan sistem perkhidmatan GN.

2. SYARAT ASAS PENUBUHAN 'GN'

- a. Cadangan menubuhkan GN perlu dimaklumkan kepada DBKL yang berkenaan melalui persatuan penduduk (RA) yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS).
- b. Semua premis kediaman yang hendak dijadikan sebagai GN mestilah telah mendapat Perakuan Kelayakan Menduduki (CFO) atau Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- c. Cadangan untuk mewujudkan GN perlu mendapat persetujuan majoriti 80% penduduk (ketua isi rumah), tertakluk kepada tiada sebarang paksaan dan tekanan kepada penduduk yang tidak bersetuju.
- d. Pihak persatuan penduduk perlu mengemukakan dokumen berkenaan dengan persetujuan penduduk dan lain-lain maklumat yang diperlukan kepada DBKL dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

3. PEMBINAAN PONDOK PENGAWAL

- a. Saiz pondok pengawal hendaklah tidak melebihi 1.8 meter X 2.4 meter.
- b. Pondok pengawal hanya dibenarkan disediakan atau dibina di kawasan bahu jalan (road shoulder) dan perlu dipastikan tidak menghalang lalulintas. Amalan pembinaan pondok pengawal di atas atau di kawasan tengah jalan adalah tidak dibenarkan.
- c. Jika cadangan binaan pondok pengawal di kawasan bahu jalan adalah berstruktur kekal (permanent structure), pemohon (persatuan penduduk) perlu memohon kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (Temporary Occupation Licence . TOL) daripada Pejabat Tanah dan Galian WP yang berkenaan. Peraturan ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 65, Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta 56).
- d. Cadangan lokasi pondok pengawal perlu ditanda di dalam pelan yang sesuai dan perlu dikemukakan kepada PTGWP semasa mengemukakan permohonan TOL dan kepada DBKL bagi permohonan kebenaran merancang sementara dan permohonan permit atau kelulusan pembinaan sementara.

Lampiran BORANG JPB/JPKK

Garis panduan ringkas berkaitan Skim 'Guarded Neighbourhood' (GN) atau Skim Kawalan Kejiranan (samb)

- e. Cadangan rekabentuk pondok pengawal perlu dikemukakan kepada DBKL (Bahagian Bangunan) jika berkenaan untuk mendapat permit atau kelulusan pembinaan sementara bagi pembinaan bangunan pondok pengawal. Pondok pengawal hanya boleh dibina setelah mendapat permit atau kelulusan pembinaan sementara daripada DBKL.
- f. Rekabentuk bumbung dan fasad bangunan perlulah berharmoni dengan pembangunan sekitar dan perlu dibina secara kemas serta tidak mencacatkan pemandangan.
- g. Halangan dalam bentuk sekatan fizikal secara sementara seperti manual boom gate dan papan tanda keselamatan boleh diberi pertimbangan untuk dipasang atau diletak di lokasi yang sesuai di jalan masuk berhadapan dengan pondok pengawal dengan syarat terdapat pengawal keselamatan bertugas mengawal sekatan tersebut selama 24 jam. *(Dalam hal ini, DBKL menetapkan penutupan terus (halangan) secara kekal seperti penggunaan 'barrier', penghalang besi dan lain-lain ke atas jalan awam adalah tidak dibenarkan sama sekali. Manakala penggunaan penghalang besi (boom gate) terkawal terhadap jalan awam hanya dibenarkan bermula jam 10.00 malam hingga 6.00 pagi sahaja dengan pengawalan pengawal keselamatan sepenuhnya pada waktu tersebut. Penutupan jalan awam tidak dibenarkan sama sekali selain dari tempoh yang dinyatakan)*

4. PEMBINAAN PAGAR

- a. Pembinaan pagar (perimeter fencing) mengelilingi kawasan sempadan skim kejrangan adalah tidak dibenarkan.

5. PENGAWAL KESELAMATAN

- a. Syarikat pengawal keselamatan yang dilantik perlu berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri. Syarat-syarat bagi pengambilan pekerja dan pengawal keselamatan adalah sebagaimana di ditetapkan dalam Garis Panduan.

6. PELEPASAN STATUS


- a. Cadangan pelepasan atau pembubaran status GN kepada status asal (tidak berpengawal) oleh persatuan penduduk perlu dimaklumkan kepada DBKL.

Nota : Ringkasan garis panduan diatas adalah berdasarkan Garis Panduan Perancangan Gated Community and Guarded Neighbourhood yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 2 September 2010 dan beberapa syarat tambahan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Penyelarasan dan Kawalan Kejrangan, DBKL)

Akta-akta Yang Berkaitan dan Digunapakai

- Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
- Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)
- Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663)
- Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Akta Pengangkutan Jalan 1985 (Akta 333)
- Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984

GARISAN SEMPADAN TAMAN




CONTOH PELAN LOKASI TAMAN PERUMAHAN




PANDANGAN SISI KIRI

Concrete tiles roof of 25° Pitch on h.w trusses to detail
 Aluminium frame adjustable glass window to detail
 Plywood flush door to detail




PANDANGAN SISI KANAN




PANDANGAN HADAPAN / BELAKANG

Concrete tiles roof of 25° Pitch on h.w trusses to detail
 Aluminium frame adjustable glass window to detail
 100 mm thk. cement sand brick with cement plaster and painted on
 125 x 125 pc column
 Plywood flush door to detail
 Aluminium frame adjustable glass window to detail
 150 mm thk conc. slab




PANDANGAN A-A

Metal deck roofing tiles at 75 x 50 h/w
 rafter at 60 x 50 x 50 h/w
 strut at 300 x 75 x 50 h/w
 fascia board at 230 x 20 h/w
 ceiling space at 75 x 50 h/w
 50 x 50 h/w
 3.5 mm thk. asbestos ceiling
 Aluminium frame adjustable glass window to detail
 100 mm thk. cement sand brick with cement plaster and painted on



PELAN LANTAI



PELAN BUMBUNG

Concrete tiles roof of 25° Pitch on h.w trusses to detail

Senarai Semak Borang Permohonan Menjalankan Skim Kawalan Kejiranan (Guarded Neighbourhood)

Nama Kawasan : _____

Pemohon : _____

Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikembalikan semula kepada Jabatan ini dengan mengemukakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:

Tandakan (/) jika ada pada kotak disediakan.

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. Salinan Sijil Pendaftaran Persatuan | <input type="checkbox"/> |
| 2. Borang Persetujuan 80% Penduduk | <input type="checkbox"/> |
| 3. 1 Set Pelan Lokasi Taman Perumahan | <input type="checkbox"/> |
| 4. 1 Set Pelan Cadangan Rekabentuk Pondok Pengawal | <input type="checkbox"/> |
| 5. Surat Sokongan PDRM | <input type="checkbox"/> |
| 6. Surat Sokongan BOMBA | <input type="checkbox"/> |
| 7. Surat Sokongan ALAM FLORA | <input type="checkbox"/> |

Dokumen Sokongan Lain-lain (Nyatakan)

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. <u>Surat Sokongan Pejabat Cawangan DBKL</u> | <input type="checkbox"/> |
| 2. _____ | <input type="checkbox"/> |

Perkara yang perlu untuk dibawa ke mesyuarat JPKK

- | | |
|---|--------------------------|
| Gambar SETIAP pondok sedia ada / kawasan cadangan | <input type="checkbox"/> |
| Gambar SETIAP lokasi penutupan jalan (jika ada) | <input type="checkbox"/> |
| Pelan lokasi SETIAP kawasan | <input type="checkbox"/> |
| Laporan siasatan tapak yang lengkap | <input type="checkbox"/> |